



SANGKAR ikan patin tersadai di Kampung Bangau Parit, Temerloh akibat air Sungai Pahang menjadi cetek.



PENTERNAK ikan di Kampung Sanding, Maran terpaksa menggali parit untuk mengalirkan air Sungai Pahang ke sangkar ikan milik mereka semalam.



ADNAN Yaakob menyerahkan replika cek kepada Mohammad Akhir Mohd. Hussin (dua dari kanan) iaitu adik pemain golf negara, Mohd. Shaaban Mohd. Hussin yang terlibat dalam kemalangan baru-baru ini di Kuantan semalam.

Menteri Besar mahu agensi terlibat buat laporan kepada kerajaan negeri

Siasat punca Sungai Pahang kering

Oleh IKHWAN IDERIS
dan NORAINI HASSAN BASRI

KUANTAN – Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob menyerahkan agensi kerajaan berkaitan supaya menyiasat dakwaan yang mengatakan aktiviti pembalakan di kawasan Ulu Tembeling merupakan punca utama Sungai Pahang kering sekarang.

Mengakui wujud kerja-kerja pembukaan tanah di kawasan tersebut untuk tujuan pertanian dan pembalakan, Adnan menegaskan, fenomena El Nino yang melanda negara kini menjadi penyebab utama penurunan paras air Sungai Pahang sepanjang 495 kilometer.

“Saya telah membaca berita mengenai perkara ini dalam akhbar dua hari lepas (Jumaat) dan percaya berita itu adil. Kita akan minta jabatan-jabatan teknikal berkenaan menjalankan kajian dan membuat laporan kepada kerajaan negeri.

“Kita tidak boleh mengatakan hanya Sungai Pahang kering, sungai-sungai di negeri lain juga mungkin ada yang kering.

“Memang salah satu punca kekurangan air ialah pembukaan hutan disebabkan aktiviti pertanian dan pembalakan. Selain itu, kita ada projek besar empangan hidroelektrik milik Tenaga Nasional Ber-



had di Sungai Jelai dan Sungai Tekal,” katanya.

Adnan berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas perlawanan golf amal antara pasukan Menteri Besar dengan bekas pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah di Mahkota Golf Country Club dekat sini semalam.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Ne-

gari, Datuk Seri Muhamad Safian Ismail.

Kosmo! Jumaat lalu menyiarkan laporan mengenai situasi Sungai Pahang yang semakin kering dan surut, didakwa berpunca daripada aktiviti penebangan hutan yang tidak terkawal selain cuaca panas.

Sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia merentasi daerah Jerantut, Temerloh, Bera, Maran dan Pekan itu meru-

upakan nadi kehidupan penduduk sebagai sumber bekalan air, medium pengangkutan, tempat ternakan ikan air tawar serta pusat rekreasi.

Sementara itu, Adnan menjelaskan banyak kawasan hutan di negeri Pahang yang telah dibuka antara lain untuk penanaman getah dan kelapa sawit terutamanya selepas pembukaan tanah rancangan Felda sejak tahun 1960-an.

Kerajaan negeri juga katanya, telahewartakan kawasan tadahan air yang luas bagi memastikan program pembangunan adalah seimbang dengan usaha pemuliharaan alam semula jadi.

“Di Pahang banyak hutan dibuka. Kalau bukan untuk tanaman getah, tanaman kelapa sawit. Ini satu keperluan. Namun, pada masa yang sama kita perlu seimbang supaya kawasan tadahan air tetap ada.

“Hanya setahun dua selepas saya memegang jawatan Menteri Besar pada 1999, saya sudah membawa (hal ini) dan meyakinkan Exco (kerajaan negeri) sehingga kitaewartakan 300,000 hektar kawasan hutan di Pahang sebagai kawasan tadahan air,” ujarnya.

Beras
JUARA